

UCAPAN YANG DI-PERTUA BAKTI
Y.A.B. DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BINTI HJ. MOHD. ALI
DI UPACARA PENUTUP MESYUARAT AGUNG BAKTI
KALI YANG KE-7, DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 22HB. MEI, 1984
PUKUL 2.00 PETANG

Mesyuarat kita telah selamat sempurna. Saya berharap semua rancangan dan cadangan yang diputuskan akan dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tadbir baru, sebaik sahaja Jawatankuasa ini bersedia. Jawatankuasa Kecil Hadiah Bungkusan Hari Raya bagi anggota tentera perlulah bertindak segera, dan Jawatankuasa Projek Amal pun akan berjalan hingga walkaton kita tamat dan sempurna. Oleh itu kerjasama saudari-saudari amatlah mustahak.

2. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin atas kehadiran dan bantuan mereka sepanjang tahun dan berharap akan mendapat pertolongan itu sepanjang tahun 1984/1985 juga.

3. Saya ingin menjemput para hadirin sekalian bersama-sama berdoa semoga Allah mencucuri selamat sejahtera kepada kita dan keluarga kita, menganugerah banyak taufik dan hidayah kepada kita, supaya kita dapat berbuat amal bakti kepada orang-orang yang memerlukannya dengan hati yang insaf dan bersimpati. Semoga Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Mengasihani merestui kegiatan-kegiatan BAKTI dan memupuk perasaan kasih mesra antara ahli-ahli, demi kepentingan kebaikan isteri-isteri, bangsa dan negara. Semoga Allah Subhanahu Wataala selamatkan kita dan keluarga kita dari segala merbahaya, ke mana jua kita akan pergi, dan di mana juga kita berada.

Amin, Amin, Amin Rabbulalamin.

Terima kasih.

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
